

29/06/1997

Pemimpin BN perlu kurang pertelagahan

M Thillinadan

BUKIT MERTA JAM: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya kurangkan pertelagahan dan perbezaan politik serta menjauhkan diri daripada rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Pemangku Perdana Menteri memberi amaran pemimpin yang tidak bersih dan tamakkan kuasa serta memperjuangkan kekayaan untuk diri sendiri melalui kuasa politik perlu disisihkan.

"Pertelagahan dan perbezaan politik adalah untuk parti seperti DAP dan Pas. Kita dalam BN mempunyai rekod dan sejarah hubungan dan rundingan yang sukar digugat.

"Jika kita kurangkan pertelingkahan antara kita, semua boleh jadi, termasuk merampas Kelantan daripada Pas.

"Lebih penting daripada itu kita tidak mahu pemimpin dan pegawai kerajaan yang menipu rakyat dengan merampas semua untuk diri sendiri serta melupakan rakyat yang memilihnya," katanya ketika berucap pada majlis makan malam Pemimpin Bersama Rakyat anjuran Gerakan bahagian Permatang Pauh di sini, malam tadi.

Turut hadir di majlis Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan pemimpin komponen BN. Majlis makan malam itu disertai lebih 3,000 rakyat pelbagai kaum.

Anwar berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad walaupun sedang bercuti, menelefonnya dari semasa ke semasa dan memberi arahan supaya tindakan diambil terhadap semua pemimpin yang melakukan penyelewengan.

"Kita tak mahu pemimpin yang melaungkan keadilan sosial, tetapi menjauhkan diri daripada masalah rakyat atau pemimpin yang apabila sudah mendapat pangkat atau kuasa melupakan rakyat.

"Apa guna Malaysia menjadi sebuah negara yang dikagumi seluruh dunia, tetapi hanya satu dua pemimpin yang sapu semua kekayaan. Kita sudah memutuskan tidak akan membiarkan pemimpin yang salah guna kuasa atau menyeleweng.

"Hanya satu cara untuk kita (pemimpin) untuk membuktikan dedikasi dan kesungguhan kita sebagai pemimpin berjiwa rakyat, iaitu dengan mempamerkan kewibawaan paling tinggi," tegasnya.

Menurutnya, pemimpin mesti ada kewibawaan dan tidak mementingkan diri, pemimpin mesti ada hak dan pegang pada prinsip serta menjadi contoh dan teladan.

"Pemimpin tak boleh ambil tanah, perniagaan, harta benda negeri untuk memperkayakan dirinya," katanya.

Anwar berkata pemimpin dan rakyat juga mesti berjuang bersama-sama untuk memastikan kestabilan politik, kemapanan ekonomi dan agenda sosial diselesaikan.

"Bagaimanapun, kestabilan politik, kemapanan politik dan agenda sosial itu mesti diukur dengan kualiti dan bukan dengan hanya melaungkannya," katanya.

(END)